





MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021

Syariah (930)





KANDUNGAN

Syariah (930/1)	1 – 7
Syariah (930/2)	8 – 13
Syariah (930/3)	14 – 20

SYARIAH (930/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 1 834 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 68.32% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.85	7.20	8.45	11.78	9.98	14.72	8.34	9.92	6.32	6.00	9.43

RESPONS CALON

Komen am

Umumnya, mutu kertas soalan ini adalah baik dan mencapai tahap kesesuaian calon di peringkat STPM. Soalan-soalan yang dikemukakan merangkumi soalan yang mudah, sederhana, dan sukar serta memenuhi tahap soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Di samping itu, kesemua aras taksonomi bermula dengan aras pengetahuan sehingga aras analisis telah dilibatkan secara menyeluruh. Keadaan ini membolehkan perbezaan dibuat antara calon yang baik dengan calon yang lemah.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Muamalat dan Munakahat

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menyatakan **empat** keadaan yang boleh membatalkan sesebuah syarikat. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan mendapat markah penuh. Namun, terdapat segelintir calon yang tidak dapat membezakan antara “membatalkan” dengan “tidak sah” serta ada segelintir calon yang mengulang jawapan pada fakta yang sama seperti “penarikan diri, fasakh, dan membatalkan” yang menyebabkan pengurangan markah.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Berlaku penarikan penyertaan/fasakh/membatalkan syarikat
- Kematian ahli syarikat
- Ahli syarikat murtad
- Ahli syarikat gila
- Kesemua modal hilang/musnah sebelum berniaga
- Muflis

Soalan 1(b) menghendaki calon menghuraikan **dua** perbezaan antara syarikat *inan* dengan syarikat *abdan*. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Punca utama ialah kelemahan calon dalam mengingati fakta tentang syarikat *inan* dan syarikat *abdan*.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Aspek	Syarikat <i>Inan</i>	Syarikat <i>Abdan</i>
Pengertian	Perkongsian dua orang atau lebih mengeluarkan modal bagi sesuatu perniagaan	Perkongsian dua orang atau lebih pada sesuatu usaha, sama ada pekerjaan yang sama atau berlainan
Pembahagian untung	Keuntungan dibahagikan mengikut nisbah modal	Keuntungan dibahagikan sama rata
Hukum	Harus: sepakat ulama	Tidak harus: Syafi'iyyah dan Zahiriyyah Harus: Hanafi, Malikiyyah dan Hanabilah
Keadilan	Adil	Tidak adil

Soalan 1(c) menghendaki calon menganalisis bentuk pelaburan dari perspektif pelaburan Islam bagi kes atau situasi yang dinyatakan. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka tidak mampu memahami kehendak sebenar situasi kes yang dinyatakan pada soalan ini. Soalan meminta calon menganalisis kes berkenaan sama ada bercanggah atau tidak dengan konsep pelaburan dalam Islam dengan memberikan penekanan kepada aspek syarikat yang dinyatakan. Kebanyakan calon hanya menyatakan hukum secara umum sahaja sama ada sah atau tidak sah tanpa membuat analisis. Terdapat juga calon yang memfokuskan analisis kepada kadar keuntungan sebanyak 30% daripada modal yang dilaburkan sahaja tanpa menyentuh aspek lain dalam syarikat.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Analisis pelaburan berkenaan dari perspektif Islam	
Item analisis	Hasil analisis
Jenis syarikat	<i>Mudarabah</i>
Pemilikan ahli pelbagai agama	Harus atau dibenarkan. Dalam <i>mudarabah</i> ahli tidak disyaratkan sama agama
Pelaburan berdasarkan ternakan ikan	Harus. Aktiviti ternakan ikan dibenarkan syarak
Kadar keuntungan sebanyak 30% daripada modal yang dilaburkan	Bercanggah kerana ditetapkan daripada modal
Kesimpulan	Syarikat berkenaan adalah tidak sah atau haram kerana tidak menepati salah satu ciri iaitu pembahagian keuntungan.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menjelaskan hukum menerima *wadi'ah* boleh menjadi wajib dan haram. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat juga segelintir calon yang tidak dapat membezakan situasi wajib dan haram menerima *wadi'ah* dengan hukum *wadi'ah* secara umum. Di samping itu, terdapat juga calon yang keliru antara hukum menerima *wadi'ah* dengan hukum memberikan *wadi'ah* seperti "wajib apabila pemilik harta dalam keadaan terdesak" atau "haram apabila penerima ada niat untuk menggunakan barang tanpa kebenaran pemberi".

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Hukum	Situasi/keadaan
Wajib	Sekiranya tidak didapati orang lain yang lebih layak dan lebih dipercayai.
Haram	Sekiranya seseorang itu tidak sanggup menjaga sebagaimana semestinya atau jika diterima akan mendedahkan harta itu kepada kerosakan.

Soalan 2(b) menghendaki calon menghuraikan **empat** keadaan yang boleh membatalkan *wadi'ah*. Majoriti calon dapat menjelaskan soalan ini dengan tepat. Namun terdapat juga calon yang mengulangi isi atau fakta yang sama seperti gila, pitam, dan hilang akal yang menyebabkan mereka tidak memperoleh markah yang baik. Ada juga calon yang menyatakan "tamat tempoh" merupakan satu keadaan yang membatalkan *wadi'ah*.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Kematian salah seorang
- Gila/pitam/hilang akal
- Penyimpan menarik diri atau fasakh
- Tuan punya barang meminta balik *wadi'ah*
- Barang itu dijual, disewa, diwakaf, dihibah, dan sebagainya
- Barang rosak/hilang
- Sakit/uzur/hilang upaya
- Melanggar syarat kontrak/perjanjian

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan **tiga** perbezaan antara akaun simpanan di institusi perbankan Islam dengan akaun simpanan di institusi perbankan konvensional. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon memfokuskan jawapan kepada ciri-ciri yang ada dalam akaun simpanan secara Islam dan konvensional serta hukum bagi kedua-duanya. Namun, terdapat sebahagian calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat seperti terdapat unsur penindasan atau kezaliman dalam akaun simpanan konvensional. Ada juga calon terkeliru antara simpanan dengan tajuk *al-rahnu*.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Akaun simpanan secara Islam	Akaun simpanan secara konvensional
Asas: Undang-undang Islam atau hukum syarak	Undang-undang Konvensional atau Common Law
Perkongsian keuntungan	Kadar faedah atau riba
Tiada unsur <i>gharar</i> atau telus	Terdapat unsur <i>gharar</i>
Akaun simpanan secara Islam	Akaun simpanan secara konvensional
Wang deposit digunakan ke arah patuh syariah	Wang deposit boleh digunakan ke arah yang tidak patuh syariah
Dilindungi takaful	Dilindungi insurans
Rumusan atau kesimpulan calon	

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menyatakan **empat** syarat nikah bagi bakal suami. Kebanyakan calon tidak memperoleh markah penuh untuk soalan ini. Ini adalah kerana kebanyakan calon cenderung memberikan jawapan kepada ciri-ciri suami yang baik seperti kuat amalan agama, mampu memberikan nafkah, penyayang, dan lain-lain. Selain itu, ramai juga calon menyatakan baligh, berakal, merdeka, mengenali bakal isteri, dan lain-lain sebagai syarat nikah bagi bakal suami.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Islam/ muslim
- Lelaki yang tertentu
- Bukan mahram kepada bakal isteri
- Tidak berada dalam ihram haji atau umrah
- Dengan kerelaan sendiri tanpa paksaan
- Tidak mempunyai empat orang isteri yang sah
- Mengetahui wali yang sah bagi akad tersebut

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan hukum perkahwinan Encik A yang telah berkahwin dengan bekas isteri bapanya yang belum disetubuhinya oleh bapanya berserta dengan dalil. Secara umumnya, hampir semua calon tidak mampu memberikan jawapan yang tepat bagi permasalahan ini. Ini adalah kerana calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik. Hampir semua jawapan calon mengatakan bahawa perkahwinan itu sah kerana belum berlaku persetubuhan. Selain itu kelemahan calon yang paling ketara ialah tidak dapat memberikan dalil yang tepat atau tidak mengemukakan dalil.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Bekas isteri bapa (ibu tiri) ialah perempuan yang haram dikahwini selama-lamanya.
- Haram disebabkan persemedaan (musaharah)
- Bekas ibu tiri dan ke atas sama ada ibu tiri tersebut telah disetubuhinya oleh bapa atau belum hukumnya haram dikahwini.
- Dalil surah al-Nisa', ayat 22:

وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ أَبَاؤُكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّهُ كَانَ فُحْشَةً وَمَقْتَنًا وَسَاءَ سَبِيلًا

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan **empat** masalah sosial yang berlaku bagi menyokong pernyataan "Penetapan kadar mahar yang tinggi menyebabkan pelbagai masalah sosial dalam masyarakat". Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat sebahagian calon memberikan jawapan di bawah isi atau fakta yang sama seperti berlaku zina, rogol, pelacuran, hubungan sejenis, sumbang mahram, dan liwat. Keadaan ini menyebabkan mereka memperoleh markah yang kurang baik.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Berlaku zina/rogol/pelacuran/liwat/sumbang mahram
- Kahwin lari
- Bersekedudukan
- Mencuri/merompak/judi/pengedaran dadah
- Dikelilingi hutang
- Kesukaran menempuh kehidupan selepas perkahwinan
- Rumusan atau kesimpulan calon

BAHAGIAN B: Mirath dan Jenayah

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menerangkan kedudukan suami dalam pembahagian harta pusaka. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, terdapat sebahagian lagi calon memberikan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan seperti "suami merupakan ketua keluarga yang wajib mendapat bahagian yang besar daripada harta" atau "suami orang yang paling layak mendapat pusaka" atau "suami tidak akan terhalang daripada mendapat bahagian mereka".

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Suami mendapat 1/2 sekiranya si mati tiada anak keturunan sama ada lelaki atau perempuan.
- Suami mendapat 1/4 sekiranya si mati ada anak keturunan sama ada lelaki atau perempuan.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan kaedah pelaksanaan wasiat dalam pembahagian harta pusaka. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan calon yang menyimpang daripada kehendak soalan adalah “penyelesaian mestilah dibuat di mahkamah”, “mesti ada kebenaran/pengetahuan waris ketika wasiat dibuat”, dan “pembahagiannya mestilah melibatkan waris”. Terdapat juga sebahagian calon yang tertukar antara wasiat dengan harta pusaka.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Wasiat merupakan salah satu hak yang wajib dilaksanakan sebelum pembahagian harta pusaka dilakukan kepada waris-waris si mati.
- Pelaksanaannya dilakukan selepas diselesaikan hak-hak yang wajib ditunaikan seperti hak perbelanjaan urusan pengebumian dan hak pelunasan hutang-hutang si mati sama ada hutangnya dengan Allah SWT atau dengan manusia.
- Penerima wasiat bukan dari kalangan waris yang berhak menerima harta pusaka pewasiat kecuali mendapat izin daripada waris-waris pewasiat yang lain.
- Kadar harta yang diwasiatkan tidak boleh melebihi 1/3 daripada harta pusaka bersih pewasiat kecuali lebihan tersebut mendapat keizinan waris-waris pewasiat.

Soalan 4(c) menghendaki calon menyelesaikan kes pembahagian harta pusaka secara faraid dan secara muafakat, iaitu seorang perempuan meninggal dunia dengan meninggalkan ibu, seorang saudara lelaki seibu, seorang saudara perempuan seibu, dan seorang saudara lelaki seibu sebapa. Semua waris si mati telah bersetuju dan bersepakat untuk mengagihkan harta pusaka yang bernilai RM60 000 secara sama rata. Sebahagian calon dapat memberikan kadar faraid yang tepat kepada waris-waris. Namun sebahagian lagi calon gagal menyelesaikan kes ini di mana mereka tidak dapat menetapkan fardu yang tepat bagi setiap waris dan tidak dapat mencari asal masalah yang tepat. Walau bagaimanapun, majoriti calon dapat menjawab dengan tepat bagi penyelesaian secara muafakat.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

i. Penyelesaian secara faraid

		6	RM60 000
Ibu	1/6	1	RM10 000
Saudara lelaki seibu	1/3	2	RM10 000
Saudara perempuan seibu			RM10 000
Saudara lelaki seibu sebapa	A	3	RM30 000

ii. Penyelesaian secara muafakat

		4	RM60 000
Ibu	1	1	RM15 000
Saudara lelaki seibu	1	1	RM15 000
Saudara perempuan seibu	1	1	RM15 000
Saudara lelaki seibu sebapa	1	1	RM15 000

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menerangkan maksud perkataan bergaris pada ayat yang diberikan (Surah al-Nur, ayat 4). Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon hanya mengemukakan maksud empat orang saksi tanpa mengaitkannya dengan ciri atau syarat saksi tersebut. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Empat orang saksi
- Lelaki
- Seorang yang adil
- Seorang yang boleh melihat dan bercakap
- Beragama Islam

Soalan 5(b) menghendaki calon menghuraikan **dua** bentuk lafadz *qazaf* dan hukuman bagi kedua-dua bentuk lafadz *qazaf* berkenaan. Sebahagian calon dapat menjawab dengan baik. Namun, sebahagian lagi calon tidak dapat menjawab dengan lengkap. Mereka hanya menyatakan lafadz *sarih* dan lafadz *kinayah* tanpa disertakan contoh dan hukuman. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Lafaz *sarih* atau terang
 - Tuduhan yang terang dan tidak mempunyai erti selain dari zina atau penafian nasab.
 - Contoh: “wahai penzina”, “ibumu berzina”, dan sebagainya.
 - Hukumannya: dikenakan hudud 80 kali sebatan dan tidak diterima kesaksian selama-lamanya.
- Lafaz *kinayah* atau sindiran
 - Tuduhan yang menggunakan perkataan yang tidak jelas dan boleh memberikan erti selain zina.
 - Contoh: “wahai orang yang melakukan perbuatan terkutuk dan keji”, “ibu saya tidak berzina”, dan sebagainya.
 - Hukumannya: bergantung kepada niat, jika berniat *qazaf* maka dihukum dengan hudud. Jika tiada niat *qazaf*, maka dikenakan *ta’zir*.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan kesalahan jenayah dan hukuman sepetimana yang dinyatakan dalam petikan peruntukan Seksyen 41, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 berdasarkan undang-undang jenayah Islam. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat sepetimana yang dikehendaki oleh soalan. Kelemahan utama calon adalah tidak mampu mengaitkan peruntukan tersebut dengan undang-undang jenayah Islam. Sebahagian calon menyatakan bahawa kesalahan jenayah dalam petikan undang-undang berkenaan adalah *li’an* dan sebahagian lagi hanya mengulang apa yang dinyatakan dalam soalan tanpa menyatakan bahawa jenayah itu adalah jenayah *qazaf*. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Kesalahan: *Qazaf*, iaitu menuduh zina atau menafikan nasab terhadap orang yang *muhsan*.
- Hukuman dalam peruntukan undang-undang tersebut tidak menepati kehendak syarak yang mengenakan hukuman hudud iaitu 80 kali sebatan dan penolakan kesaksian selama-lamanya.
- Namun hukuman dalam peruntukan undang-undang itu boleh diterima sebagai *ta’zir* jika tuduhan dibuat secara *kinayah* dan tidak diniatkan *qazaf*.
- Kesimpulan/rumusan/cadangan calon.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menerangkan maksud jenayah ragut. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, terdapat segelintir calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat dan lengkap seperti “mengambil barang orang lain secara terang-terangan”.

Jawapan yang sepatutnya ialah menarik atau menyentak atau merampas sesuatu daripada orang lain dengan paksaan dan kekuatan.

Soalan 6(b) menghendaki calon membandingkan antara jenayah ragut dengan jenayah curi. Majoriti calon hanya memfokuskan jawapan kepada aspek perbezaan sahaja dan ini menyebabkan mereka tidak memperolehi markah penuh. Kelemahan utama calon adalah tidak memahami kata tugas, iaitu “bandingkan”, di mana jawapan perlu kepada dua aspek, iaitu persamaan dan perbezaan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Persamaan antara jenayah ragut dengan jenayah curi	
<ul style="list-style-type: none"> Kedua-duanya melibatkan pengambilan harta secara salah. Kedua-duanya adalah kesalahan jenayah hudud. Kedua-duanya adalah tanpa kerelaan. 	
Perbezaan antara jenayah ragut dengan jenayah curi	
Jenayah ragut	Jenayah curi
<ul style="list-style-type: none"> Dilakukan secara terang-terangan Dilakukan dengan kekerasan/paksaan Kebiasaannya menyebabkan kecederaan/kematian Dikenakan <i>ta'zir</i> atau had <i>hirabah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Dilakukan tanpa disedari/sembunyi Tanpa kekerasan Tidak mencederakan mangsa Dikenakan hudud iaitu potong tangan

Soalan 6(c) menghendaki calon membincangkan hukuman-hukuman ke atas kesalahan ragut berdasarkan undang-undang jenayah Islam. Soalan ini agak terbuka dan memerlukan kreativiti calon dalam menghubungkaitkan kesalahan ragut dengan mana-mana jenayah Islam. Calon boleh memilih sama ada memfokuskan jawapan kepada satu jenis jenayah dan memperincikan hukumannya atau mencampurkan jenis-jenis jenayah berserta hukumannya. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian calon menyamakan kesalahan ragut dengan jenayah *hirabah*, manakala yang lain menyamakan dengan jenayah curi. Ada segelintir calon menyatakan ragut dikenakan hukuman *ta'zir* sahaja. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Hukuman yang dijatuhkan ke atas kesalahan ragut akan dikenakan hukuman hudud iaitu *hirabah*.
- Membunuh dan merompak akan dibunuh dan disalib (dipasung) selama tiga hari di tempat yang tinggi.
- Membunuh sahaja dan tidak merompak akan dibunuh tanpa disalib.
- Merompak dan tidak mengancam nyawa akan dipotong tangan dan kaki secara bersilang.
- Menakut-nakutkan tanpa mengancam nyawa atau merompak dikenakan hukuman *ta'zir* (buang negeri, penjara atau sebagainya).
- Dikenakan hukuman hudud iaitu menciuri (perincian hukuman mengikut kekerapan perlakuan jenayah curi).
- Dikenakan hukuman *ta'zir* berdasarkan ketetapan pemerintah seperti penjara, sebatan, denda, dan sebagainya.
- Rumusan atau kesimpulan atau pandangan calon

SYARIAH (930/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 1 811 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 69.30% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	11.93	8.06	9.00	10.88	9.88	11.49	8.06	5.96	6.13	4.86	13.75

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, bentuk penyoalan kertas ini adalah mengikut standard pengujian dan bersesuaian dengan tahap berfikir pelajar Tingkatan Enam. Ianya merangkumi ke semua aras penyoalan bermula dengan aras pengetahuan sehingga aras analisis. Mutu jawapan kebanyakan calon berada pada tahap sederhana. Hanya sebilangan calon sahaja yang menunjukkan pencapaian yang begitu baik.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Usul Fiqh

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menerangkan pengertian *al-Sunnah* berserta dengan contoh. Kebanyakan calon dapat mengemukakan maksud sunnah dengan baik tetapi gagal mengemukakan contoh hadis. Terdapat juga calon yang hanya memberikan jawapan jenis-jenis sunnah nabi tanpa mengemukakan contoh.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- *Al-Sunnah*: segala apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW samada berupa perkataan, perbuatan, atau *taqrir*.
- Contoh: nas atau penjelasan atau contoh selain daripada nas seperti cara nabi makan dan sebagainya.

Soalan 1(b) menghendaki calon menghuraikan **dua** dalil kedudukan *al-Sunnah* sebagai sumber hukum dalam perundangan Islam. Sebahagian calon memperoleh markah penuh pada bahagian ini. Manakala sebahagian yang lain kehilangan empat markah kerana tidak membuat huraian nas yang menjelaskan kedudukan Sunnah sebagai sumber hukum.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Dalil al-Quran: Surah an-Nisa', ayat 80: مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّ فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِظًا
- Dalil hadis dengan huraian
- Dalil ijmak dengan huraian
- Dalil akal dengan huraian
- Mana-mana dalil yang bersesuaian

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan **tiga** peranan *al-Sunnah* dalam penentuan hukum. Sebahagian calon dapat memberikan jawapan dengan baik. Ramai juga dalam kalangan calon yang hanya menjawab peranan tanpa contoh. Sementara itu ramai calon yang tidak membuat rumusan atau kesimpulan yang menyebabkan mereka kehilangan dua markah yang diperuntukkan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Menjelaskan nas yang mujmal dengan contoh
- Mengkhususkan nas yang umum dengan contoh
- Mentaqyidkan nas yang mutlak dengan contoh
- Bawa hukum baru dengan contoh
- Menasakhkan hukum dalam al-Quran dengan contoh
- Kesimpulan atau rumusan

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon membezakan *qiyyas awla* dengan *qiyyas adna* berserta dengan contoh. Kebanyakan calon dapat membuat perbandingan antara kedua *qiyyas* tersebut dengan baik. Terdapat sebahagian kecil calon yang memberikan jawapan yang salah, seperti *qiyyas awla* ialah *qiyyas* yang dikaitkan dengan al-Quran dan Sunnah manakala *qiyyas adna* ialah hukum yang dikaitkan dengan *istihsan*.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- *Qiyyas Awla*: *Ilah pada furu'* lebih kuat hukumnya daripada *Ilah pada hukum asal* berserta dengan contoh.
- *Qiyyas Adna* : *Ilah pada furu'* lebih rendah daripada *Ilah pada hukum asal* berserta dengan contoh.

Soalan 2(b) menghendaki calon menerangkan **tiga** dalil penerimaan *qiyyas* sebagai sumber hukum. Kebanyakan calon dapat kemukakan tiga dalil tentang kehujahan *qiyyas*, namun sebahagian lagi hanya mampu mengemukakan satu atau dua dalil tanpa huraian.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Soalan memerlukan calon memberikan tiga dalil *qiyyas* samada dalil naqli atau aqli berserta dengan huraian.

- Dalil al-Quran berserta dengan huraian
- Dalil *al-Sunnah* berserta dengan huraian
- Dalil ijmak atau dalil aqli berserta dengan huraian

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan hukum penyalahgunaan dadah berdasarkan kaedah *qiyyas*. Dalam bahagian ini, kebanyakan calon gagal memperoleh markah penuh. Rata-rata hanya memperoleh antara empat hingga enam markah sahaja. Kebanyakan calon juga tidak membuat rumusan jawapan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Asal: arak
- *Furu'*: dadah
- *Illah*: memabukkan
- Hukum asal: haram
- Rumusan calon

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon membezakan *al-dhari'ah* dengan *al-muqaddimah*. Calon yang cemerlang memperoleh markah penuh bahagian ini. Namun, terdapat juga sebilangan calon yang tidak memperoleh sebarang markah kerana tersilap memberikan maksud atau contoh.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- *Al-dhari'ah* ialah jalan atau penghubung kepada suatu maksud atau tujuan tertentu atau contoh.
- *Al-muqaddimah* ialah suatu perbuatan yang menjadi sebahagian daripada rangkaian perbuatan tertentu atau contoh.

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan bahagian *sadd al-dhari'ah* bagi contoh yang diberikan:

- Menjual senjata dalam tempoh darurat
- Menggali perigi di tempat yang jarang dilalui orang
- Menjual anggur kepada pembuat arak
- Perempuan yang baru kematian suami berhias dan keluar rumah

Terdapat jawapan calon yang menepati kehendak soalan dan ada juga yang menyeleweng daripada apa yang dikehendaki. Sebahagian yang lain menjawab "membawa mudarat, harus, haram, dan tidak boleh". Calon yang menjawab seperti ini hanya memperoleh satu markah melalui huraihan kepada jawapan sahaja.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Pasti bawa kerosakan dengan huraihan
- Jarang membawa mudarat dengan huraihan
- Biasa/ kemungkinan membawa kerosakan dengan huraihan
- Mudarat lebih besar dari kebaikan dengan huraihan

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan hukum larangan pembelian buah yang sedang berputik. Kebanyakan calon hanya memperoleh antara empat hingga enam markah sahaja. Terdapat calon yang hanya mengulangi isi yang sama kenapa jual beli tersebut diharamkan seperti mendatangkan mudarat, membawa keburukan, untuk mengelak penipuan, dan lain-lain yang membawa maksud yang sama serta calon juga tidak membuat rumusan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Islam menegah segala aktiviti jual beli barang yang belum pasti dapat diserahkan.
- *Illah* larangan tersebut kerana terdapatnya unsur *gharar*, tipu atau tidak jelas dalam jual beli sebegini.
- Namun, jika pembeli memang berhajat membeli buah yang belum masak, ianya diharuskan.
- Kesimpulan calon.

BAHAGIAN B: Kaedah Fiqh

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menerangkan maksud ungkapan hukum kebanyakan dalam takrif kaedah fiqh. Ramai calon tidak memperoleh sebarang markah di bahagian ini. Majoriti calon mengemukakan jawapan "kebanyakan hukum yang terhasil melalui kaedahnya yang tersendiri mengikut bahagian yang bersesuaian". Calon hanya memperoleh dua markah apabila jawapan bagi contoh kaedah diterima sebagai jawapan alternatif.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Kaedah fiqh tidak merangkumi kesemua permasalahan fiqh kerana terdapat pengecualian daripada kaedah atau contoh pengecualian tersebut atau mana-mana contoh kaedah fiqh.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan **tiga** kaedah fiqh berserta dengan sandaran daripada al-Quran atau *al-Sunnah*. Keseluruhannya ramai calon yang tidak memperoleh markah penuh di bahagian ini. Ramai yang hanya mengemukakan kaedah tanpa dalil sandaran dan sebaliknya. Ada yang mengemukakan sandaran dalil yang tiada kaitan dengan kaedah yang diberikan seperti dalil tentang pengharaman arak dan lain-lain.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ يَعْلَمُ الْمُشْقَةَ بِحَلِّ التَّيسِيرِ –
al-Quran

حَذِّرُ الْعَفْوُ وَأَمْرُ بِالْعِزْفِ الْعَادَةُ مُحَكَّمَةٌ –
al-Quran

إِنَّمَا الْأَعْمَالَ بِالنِّيَاتِ الْأُمُورُ بِمَقَاصِدِهَا –
al-Sunnah

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan **empat** perbezaan antara kaedah fiqh dan usul fiqh. Calon cemerlang dapat menjawabnya dengan baik. Namun kebanyakannya hanya mendapat antara empat hingga enam markah sahaja. Ada calon yang gagal memperoleh sebarang markah kerana jawapan yang diberikan seperti kaedah fiqh berdasarkan al-Quran manakala usul fiqh bersandarkan sunnah dan kaedah fiqh tidak jatuh kafir jika mengingkarinya dan sebaliknya bagi usul fiqh.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Kaedah fiqh	Usul fiqh
Khusus kepada lafaz	Khusus kepada makna
Bersifat tetap	Tidak bersifat tetap
Asal dalam mensabitkan hukum <i>juz'iyyat</i>	Diambil daripada hukum <i>juz'iyyat</i>
Topik perbincangan – dalil atau hukum	Topik perbincangan – perbuatan mukallaf
Wujud terlebih dahulu sebelum <i>furu'</i>	Wujud terkemudian daripada <i>furu'</i>

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menjelaskan **dua** dalil naqli bagi kaedah الضرر يزال. Sebahagian calon memperoleh markah penuh pada bahagian ini. Namun ada juga yang tidak memperoleh sebarang markah kerana mengemukakan kaedah sampingan sebagai jawapan atau membawakan dalil yang tidak berkaitan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Dalil 1 – وَلَا تُضَارُو هُنَّ لِتُضْيَقُوا عَلَيْهِنَّ
- Dalil 2 – وَلَا تُمْسِكُو هُنَّ ضِرَارًا لِتَعْذِنُوا
- Dalil 3 – لا ضرر لا ضرار

Soalan 5(b) menghendaki calon menghuraikan kaedah terbitan **الضرورات تبيح المظورات** dan **ما أبیح للضرورة يقدر بقدرها** berserta dengan contoh. Kebanyakan calon memperoleh markah penuh bagi soalan ini. Calon yang gagal memperoleh markah penuh kerana hanya memberikan maksud atau huraian kaedah sahaja tanpa dalil atau silap memberi terjemahan maksud kaedah.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- i. **الضرورات تبيح المظورات**

Maksud: Kemudaratan mengharuskan larangan dengan huraian.

Contoh: Harus memakai bangkai atau benda haram ketika sangat lapar untuk menyelamatkan diri daripada mati kebuluran.

- ii. **ما أبیح للضرورة يقدر بقدرها**

Maksud: Setiap yang diharuskan kerana darurat mengikut kadar yang sepatutnya sahaja dengan huraian.

Contoh: Doktor lelaki yang merawat wanita ajnabi diharuskan melihat tempat yang sakit sahaja.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan hukum bagi situasi “Seorang wanita perlu mandi wajib tetapi tiada tempat yang terlindung daripada lelaki”. Sebahagian calon dapat mengemukakan jawapan serta kaedah yang tepat bagi soalan ini. Namun, terdapat juga calon yang gagal mengaitkan situasi dengan kaedah yang tepat. Ramai dalam kalangan mereka yang mengaitkan situasi dengan kaedah **درء المفاسد أولى من جلب المصالح** yang menyebabkan calon tidak memperolehi sebarang markah pada soalan ini.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Hukum asal adalah wajib.
- Berdasarkan situasi tersebut, terdapat halangan yang boleh mengharuskan pengangguhan mandi wajib.
- Berdasarkan kaedah terbitan **درء المفاسد أولى من جلب المصالح**.
- Kerana berlaku *mafsadah* iaitu pendedahan aurat di tempat yang terbuka
- Pandangan calon

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menerangkan kaedah terbitan **استعمال الناس حجة يجب العمل بها** berserta dengan **dua** contoh. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan jawapan yang tepat tentang contoh, tetapi tidak dapat memberikan maksud kaedah dengan tepat dan sebaliknya.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Kaedah ini bermaksud segala sesuatu atau perkara yang telah menjadi amalan kebiasaan masyarakat, seharusnya diikuti.
- Contoh: Berkaitan masalah yang tiada nas syarak, seperti sukatan dan timbangan. Justeru apa yang diiktibar adalah amalan atau praktikal penduduk sesuatu kawasan dan tempat tersebut.
- Contoh: Kebiasaan dalam masyarakat seandainya seseorang membeli barang seperti almari dan katil, kos penghantarannya ditanggung oleh penjual. Sekiranya urusan jual beli berlaku salah faham, maka penyelesaiannya diputuskan menurut adat.

Soalan 6(b) menghendaki calon menjelaskan hadis yang diberikan dan mengaitkannya dengan kaedah fiqh yang bersesuaian. Terdapat segelintir calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik. Tetapi, kebanyakan daripadanya tidak dapat mengaitkan hadis ini dengan kaedah yang bersesuaian. Calon juga gagal mengemukakan contoh yang bersesuaian.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Hadis ini menunjukkan adat yang benar serta baik boleh dijadikan hujah dengan huraian
- Kaedah yang bersesuaian: **العادة محسّنة**
- Contoh: Harus memetik buah-buahan yang kebiasaannya cepat rosak atau busuk jika tidak dipetik lebih awal dari pokoknya untuk jualan. Iaitu asalkan ada tanda-tanda cukup matang atau separuh masak.

Soalan 6(c) menghendaki calon menghuraikan permasalahan yang berikut dan mengaitkannya dengan kaedah terbitan yang bersesuaian:

- Seseorang yang menggunakan perkhidmatan teksi hendaklah membayar kos tambang teksi, walaupun kos tambang tersebut tidak disebut oleh pemandu.
- Bayaran sewaan kereta yang dikenakan kepada penyewa tidak termasuk kos minyak.

Ramai calon yang mendapat markah penuh apabila ke semua kaedah sampingan diterima sebagai jawapan. Namun ada kalangan calon yang mendapat separuh markah apabila gagal memberikan maksud kaedah terbitan yang berkenaan. Terdapat juga calon yang hanya memberikan kedudukan kaedah tersebut dalam buku seperti kaedah kedua, kaedah ketiga, dan sebagainya daripada kaedah terbitan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Kaedah terbitan: **المعروف كالمشروع شرعاً** atau **المعروف عرفاً كالمشروع** dengan huraian

Sesuatu yang telah terkenal menurut uruf, seperti sesuatu yang disyaratkan dengan sesuatu syarat. Kos tambang teksi ditanggung oleh penyewa menepati uruf yang telah diperakui dalam masyarakat tanpa perlu disyaratkan sedemikian.

- Kaedah terbitan: **التعيين بالعرف كالتعيين بالنص**

Menentukan sesuatu berdasarkan uruf sama keuatannya dengan penentuan berdasarkan nas. Penentuan bayaran sewa kereta tidak termasuk kos minyak ialah uruf yang sudah diterima seperti penentuan hukum berdasarkan nas.

SYARIAH (930/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 1 809 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 70.14% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	12.66	7.90	10.39	10.06	10.95	9.45	8.73	5.31	7.13	3.70	13.71

RESPONS CALON

Komen am

Secara umum, mutu kertas soalan adalah baik. Soalan adalah jelas dan mudah difahami. Bentuk penyoalan Kertas 3 adalah mengikut standard pengujian dan bersesuaian dengan tahap berfikir pelajar Tingkatan Enam. Ianya merangkumi kesemua aras penyoalan bermula dengan aras pengetahuan sehingga aras analisis. Pemeriksa berpuas hati dari segi format peperiksaan, pematuhan kepada sukanan pelajaran, dan kejelasan soalan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Ayat Ahkam

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menerangkan maksud dua petikan.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

- شهيداً عليكم – Rasul menjadi saksi ke atas perbuatan kamu
- شهداء على الناس – Kamu menjadi saksi atas manusia lain

Hanya sebahagian calon didapati menjawab dengan baik soalan ini dan mendapat markah penuh. Kebanyakan calon lemah tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak dapat memberikan terjemahan yang tepat kerana keliru dengan maksud *syahid* bagi soalan 1(a)(i) dan *syuhada'* soalan 1(a)(ii) sebagai mati syahid, bukan saksi. Perkara ini berlaku kerana penguasaan bahasa Arab yang lemah dan mungkin ada kaitan dengan soalan 1(b) berkaitan tujuan utama pensyariatan jihad yang berfokus kepada jihad perang.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan **empat** tujuan pensyariatan jihad.

Calon-calon yang pandai dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon-calon sederhana hanya dapat mengemukakan dua isi sahaja, iaitu dua tujuan pensyariatan jihad dengan tepat. Jawapan mereka di bawah payung yang sama lalu menyebabkan mereka hilang separuh daripada markah penuh.

Ramai calon lemah tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Walaupun soalan ini kelihatan mudah dijawab, namun kebanyakan jawapan mereka kurang menepati kehendak skema pemarkahan. Mereka menjawab dengan mengemukakan kelebihan berjihad, hikmah jihad kepada individu, dan ganjaran jihad berbanding tujuan pensyariatan jihad.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

- menjaga atau menegakkan agama Islam, negara atau maruah.
- mempertahankan jiwa, maruah atau nyawa.
- melindungi kaum yang lemah atau menentang kezaliman atau menegakkan keadilan.
- menjaga harta.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan **tiga** bentuk jihad yang perlu dilakukan oleh pelajar pada masa ini.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

- Jihad menuntut ilmu, masa, atau tenaga.
- Jihad melawan hasutan syaitan dan hawa nafsu atau menjauhi kemungkaran.
- Jihad fizikal (diri sendiri) iaitu melawan kemiskinan, malas, media, atau jihad ekonomi.

Hanya sebahagian kecil calon berjaya mendapat markah penuh dengan memberikan tiga fakta dan huraian serta kesimpulan yang tepat. Calon sederhana hanya dapat menjawab soalan ini pada fakta jihad ilmu dan jihad nafsu dengan tambahan 2 markah lagi pada kesimpulan.

Jawapan calon yang kurang tepat tidak berkaitan dengan bentuk jihad tetapi hal-hal lain seperti belajar hidup berdikari, berjihad untuk kedua ibubapa, berjihad mengenal Allah, berjihad menentang musuh Islam, jihad menjawab peperiksaan, jihad menyebarkan dakwah, dan lain-lain.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menerangkan maksud dua ungkapan. Ungkapan dan jawapannya adalah:

- **فِيهِ شَيْءُونَ** – Padanya kamu melepaskan binatang ternakan
- **مُسْخَرٌ بِأَمْرِهِ** – Cakerawala beredara mengikut ketentuan Allah SWT atau tunduk kepada perintah Allah atau memberi khidmat kepada manusia.
- **حَنَقًا طَرِيًّا** – Daging yang lembut, iaitu ikan

Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian mereka hanya berjaya memberikan jawapan yang tepat bagi ungkapan ketiga, iaitu daging ikan. Bagi ungkapan (i) dan (ii) ramai calon yang memberikan jawapan yang kurang tepat. Manakala calon yang lemah memberikan jawapan yang tidak tepat kerana tidak menguasai bahasa Arab dengan baik.

Soalan 2(b) meminta calon untuk menjelaskan tiga kurniaan Allah SWT berserta dengan fungsinya berdasarkan ayat 10 hingga ayat 12.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

- Hujan – untuk minuman dan siraman tanaman, ternakan atau air
- Buah-buahan atau tumbuhan atau tanaman – makanan
- Malam atau siang – waktu bekerja dan rehat
- Bulan atau bintang atau matahari – panduan kepada manusia

Soalan ini membantu ramai calon mendapat markah. Calon sederhana hanya mampu membawa dua fakta jawapan yang tepat menyebabkan mereka kehilangan markah. Kebanyakan jawapan yang salah kerana memfokuskan kepada ayat yang lain seperti nikmat laut dan sungai. Ini tidak menepati batas soalan pada ayat 10, 11 dan 12 sahaja. Sebahagian calon pula kehilangan markah kerana tidak menyatakan fungsi nikmat atau mengemukakan fungsi yang tidak tepat.

Soalan 2(c) pula menghendaki calon membincangkan **tiga** faktor kemunduran ekonomi umat Islam walaupun mempunyai sumber alam yang banyak.

Jawapan yang diterima adalah:

- Kejahilan, iaitu kurangnya ilmu atau malas atau kurang kepakaran dengan huraiān
- Kurang teknologi dan hanya jadi pengguna dengan huraiān
- Kelemahan pimpinan, tidak pandai urus, dan berlaku perpecahan dengan huraiān
- Dikuasai musuh dengan huraiān.
- Usaha berkurangan atau kemiskinan negara dengan huraiān

Sebahagian calon berjaya memberikan tiga fakta jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Manakala terdapat sebahagian calon yang hanya dapat memberikan dua jawapan sahaja iaitu pada fakta kurang ilmu dan kurang teknologi sahaja. Fakta lain tidak berjaya digarap oleh mereka. Terdapat ramai calon yang mengulangi fakta di bawah payung yang sama seperti faktor kemalasan atau ketiadaan ilmu atau tiada kepakaran mengurus. Antara jawapan yang tidak diterima adalah menggunakan sumber alam untuk tujuan yang salah, tidak mensyukuri nikmat yang diberikan, melakukan pencemaran terhadap alam dan kes jenayah yang berleluasa, pembuangan sisa toksik dalam sungai atau laut, tiada inisiatif, dan rakyat takut kepada tekanan pemerintah.

Soalan 3

Soalan 3(a) meminta calon menerangkan maksud amanah, adil, dan *tagħut* dalam ayat 58 hingga 60 dalam soalan.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

- Amanah: Barang atau perkara yang diberi kepercayaan kepada seseorang atau sesuatu yang dipertanggungjawabkan dalam urusan harta benda, kehormatan, dan kerahsiaan.
- Adil: Meletakkan sesuatu pada tempatnya atau tidak berat sebelah atau hukum dengan setimpal.
- *Tagħut*: Pelampau, syaitan atau tokong atau berhala atau sesuatu yang mengambil hak Allah dan melampaui batas atau kerajaan yang zalim atau ideologi.

Walaupun soalan ini agak mudah, hanya sebahagian calon dapat menjawab mengikut kehendak soalan. Manakala majoriti calon gagal mendapat markah dengan memberikan jawapan yang tidak tepat kerana tidak menguasai bahasa Arab. Calon lemah dapat menjawab sebahagian maksud bagi amanah sebagai tanggungjawab dan adil sebagai tidak berat sebelah. Jawapan seperti itu dikira tidak lengkap dan hanya mendapat satu markah.

Soalan 3(b) pula menghendaki calon menghuraikan maksud petikan “فَرُدُوهُ إِلَىٰ اللّٰهِ وَالرَّسُولِ” dalam ayat.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

- Mesti rujuk kepada al-Quran seperti melaksanakan segala suruhan Allah SWT contohnya hudud, qisas, dan takzir.
- Sekiranya tidak terdapat dalam al-Quran, mestilah rujuk hadis seperti mengikut pemerintahan yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW.

Soalan ini dikira mudah dan sepatutnya membantu calon mendapat markah. Calon yang baik berjaya memberikan jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Majoriti calon memberikan jawapan yang salah kerana tidak mentafsirkan ‘Allah dan rasul’ sebagai al-Quran dan *al-Sunnah*. Mereka hanya menjawab kembali kepada Allah dan rasul, takut kepada Allah dan beriman kepada rasul, dan mengingati Allah dan rasul. Jawapan seperti ini tidak diterima kerana mereka hanya mengulangi makna ayat dan bukan menjelaskan maksud ayat yang sebenar.

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan **tiga** batas ketaatan umat Islam terhadap pemimpin mereka.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

- Wajib patuh pada arahan pemimpin yang tidak menyalahi syariat.
- Ketaatan kepada pemimpin bukan bersifat mutlak atau tidak melebihi taat kepada Allah.
- Wajib menolak sekiranya arahan bercanggah dengan syarak.

Soalan ini dikira mudah, terbuka dan tidak terikat dengan nas. Tetapi sayangnya tidak ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon mendapat markah yang rendah, sederhana, dan gagal memperolehi markah penuh. Mereka gagal memecahkan jawapan kepada tiga cabang seperti skema jawapan. Contoh jawapan calon yang tidak diterima seperti tidak mengagungkan pemimpin, tidak taksub mengikuti seseorang pemimpin, memilih pemimpin yang adil, dan menolak pemimpin yang melakukan maksiat.

BAHAGIAN B: Hadis Ahkam

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menerangkan maksud petikan hadis yang berikut:

وَيُأْتِي قَدْ شَتَمَ هَذَا وَقَدَفَ هَذَا وَأَكَلَ مَالَ هَذَا وَسَقَكَ دَمَ هَذَا وَضَرَبَ هَذَا

Jawapan yang sepatutnya adalah menyebut fakta seperti yang berikut:

- Mereka datang dalam keadaan telah melakukan kesalahan:
- Mencaci maki (menghina) orang lain
- Menuduh tanpa bukti
- Memakan harta orang lain dengan zalim
- Menumpahkan darah (membunuh)
- Memukul orang sesuka hati

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Aras soalan ini agak rendah dan sangat membantu calon mendapat markah penuh.

Sebahagian calon tidak dapat menyatakan jawapan pada perkataan ungkapan . وَيُأْتِي . Sebaliknya mereka hanya mencatat kesalahan-kesalahannya sahaja. Sebilangan calon pula yang tidak menguasai maksud ungkapan hadis dengan memberikan jawapan kurang tepat seperti melakukan perbuatan yang keji, memakan harta anak yatim, menganiaya orang lain, dan sebagainya. Calon yang lemah bahasa Arab tidak memberikan sebarang jawapan menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan **empat** mesej yang terdapat dalam hadis. Jawapan yang diterima adalah menyatakan asas mesej hadis dengan contoh larangan, terhad kepada dua. Ini bagi memastikan calon tetap memahami asas hadis seperti tiga skema awal dan bukan sekadar senarai larangan:

- Umat Islam hendaklah mencari bekalan akhirat dengan melaksanakan perintah Allah SWT seperti solat, puasa, dan zakat.
- Umat Islam perlu menjauhi perbuatan dosa yang menyebabkan mereka menjadi muflis di akhirat.
- Perbuatan dosa kepada manusia menyebabkan amalan kebaikan yang dilakukan menjadi sia-sia dan pahalanya diberikan kepada orang yang dizalimi.
- Perbuatan mencaci maki dan menuduh tanpa bukti akan menimbulkan permusuhan dalam masyarakat.
- Islam melarang umatnya memakan harta orang lain dengan cara yang zalim.
- Perbuatan menumpahkan darah dan memukul orang sesuka hati adalah dilarang dalam Islam. (Fakta berkaitan kesalahan hanya terhad dua jawapan yang diterima).

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat dan baik. Ramai calon mendapat markah penuh. Mereka boleh memberikan jawapan dengan baik kerana calon memahami kehendak soalan dengan baik.

Sebahagian calon pula gagal mendapat markah penuh kerana memfokuskan jawapan kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dalam hadis menyebabkan jawapan mereka berada di bawah skop yang sama. Terdapat juga calon memberikan mesej yang kurang tepat dan tidak berkaitan dengan hadis yang dibincangkan seperti umat Islam harus melaksanakan perintah Allah, kita perlu bersifat *mahmudah* dengan makhluk di bumi, dan kita hendaklah menginfakkan harta di jalan Allah.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan **tiga** implikasi negatif perbuatan mencaci terhadap kesejateraan masyarakat.

Jawapan yang diterima adalah:

- Menimbulkan sifat permusuhan atau pergaduhan
- Mewujudkan perasaan dendam atau tidak puas hati atau tidak tenang
- Merosakkan hubungan persahabatan atau persaudaraan atau tanpa kasih sayang
- Memecahbelahkan masyarakat atau kucar-kacir

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dengan memberikan tiga fakta jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Namun terdapat juga calon memberikan jawapan yang kurang menepati kehendak soalan. Mereka menjawab implikasi terhadap individu. Antara jawapan tidak tepat diberikan calon seperti dibenci masyarakat, kekurangan kawan, menjatuhkan maruah diri, dipandang hina oleh orang lain, dan jawapan lain yang merujuk kepada implikasi terhadap individu bukan masyarakat.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menerangkan maksud secara *ijmal* bagi ungkapan dalam hadis, iaitu:

مَا اسْتَفَادَ الْمُؤْمِنُ بَعْدَ تَقْوَى اللَّهِ خَيْرًا لَهُ مِنْ زَوْجٍ صَالِحٍ

Jawapan yang sebenar ialah: “Tiada faedah yang paling baik diperoleh seorang mukmin selepas bertakwa kepada Allah selain isteri yang solehah.”

Kebanyakan calon lain tidak dapat menjawab soalan ini secara sempurna. Sebahagian besar mereka hanya dapat menyebut isteri solehah dalam jawapan tetapi tidak dapat menjelaskan ungkapan sebelumnya dengan betul. Terdapat sebilangan calon memberikan jawapan kurang tepat seperti seorang mukmin yang bertakwa kepada Allah ialah wanita yang solehah, wanita solehah merupakan mereka yang beriman kepada Allah, isteri mesti memainkan peranan mereka sebagai isteri yang solehah, dan lain-lain.

Soalan 5(b) pula meminta calon untuk menjelaskan **empat** peranan seorang isteri terhadap suami yang dinyatakan dalam nas hadis.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Mentaati perintah suami
- Melaksanakan atau menunaikan sumpah suami
- Menjaga harta benda suami semasa ketiadaannya
- Menjaga maruah diri semasa ketiadaan suaminya
- Menggembirakan hati suami atau melayani suami atau berhias

Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon yang tidak berjaya kerana mengemukakan jawapan di luar batasan nas hadis seperti membantu suami melakukan rutin harian, mendidik dan menjaga makan minum anak-anak, sentiasa ada bersama suami, isteri adalah suri teladan, dan lain-lain. Ini menyebabkan calon tercicir markah yang diperuntukkan dan mengurangkan markah keseluruhan calon.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan **empat** garis panduan Islam kepada wanita yang berkerjaya. Jawapan yang sepatutnya ialah merangka garis panduan dalam konteks kewanitaan Islam, iaitu:

- Mendapat keizinan suami
- Mengimbangi kerjaya dan rumahtangga atau tidak mengabaikan tanggungjawab rumah tangga atau tidak campur urusan rumah tangga dengan kerja
- Menjauhi fitnah semasa berkerja, menjaga pergaulan, menjaga aurat, atau menjaga maruah
- Kerja yang secara fitrahnya sesuai untuk seorang wanita

Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik. Mereka berjaya mendapat markah penuh dengan memberikan empat fakta dan huraian berserta dengan kesimpulan yang tepat. Sebahagian lagi tidak dapat menjawab kerana jawapan yang diberikan adalah terlalu umum dan di luar konteks kewanitaan seperti pekerjaan halal, tidak sompong, dan membantu kewangan keluarga. Jawapan lain yang tidak diterima adalah tidak membeli sesuatu secara berlebihan, merendah diri supaya orang tidak Dengki, sedekah jariah kepada orang yang sangat memerlukan, dan lain-lain.

Soalan 6

Soalan 6(a) meminta calon menerangkan maksud *ijmali* bagi ungkapan hadis yang bergaris, iaitu:

وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ، فَلَا تُقْلِنْ لَوْ أَبِي فَعْلُتْ كَانَ كَذَا وَكَذَا، وَلَكِنْ قُلْنَ قَدَرُ اللَّهُ وَمَا شَاءَ فَعَلَ، فَإِنْ لَوْ تَفْتَحْ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Jawapannya ialah: Sekiranya kamu ditimpa musibah, janganlah kamu berkata seandainya aku berbuat begini dan begitu, nescaya tidak terjadi begini dan begitu. Sebaliknya katakanlah ini adalah takdir Allah, dan apa yang dikehendakinya pasti terjadi, kerana sesungguhnya ungkapan ‘kalau’ membuka ruang untuk syaitan menyelitkan bisikan jahatnya.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan mendapat markah yang agak tinggi. Ia adalah hasil penguasaan bahasa Arab yang baik. Sebahagian calon yang memberikan maksud hadis tidak lengkap, terlalu ringkas, dan kurang tepat menyebabkan kehilangan markah.

Soalan 6(b) pula menghendaki calon menghuraikan **tiga** kekuatan seseorang mukmin. Jawapan berdasarkan nas hadis seharusnya berkisar tentang kekuatan yang ada pada ungkapan **احرص، استعن، لا تقل، لا تعجز** yang diskemakan sebagai:

- Kekuatan fizikal untuk melakukan kebaikan
- Kekuatan rohani yang membantu melaksanakan ibadah atau berdoa
- Kekuatan akal atau intelek
- Kekuatan emosi atau tidak putus asa

Soalan ini memberi cabaran dan kesukaran kepada calon untuk mengemukakan jawapan yang tepat. Sebahagian kecil calon berjaya memberikan jawapan tepat sebagaimana kehendak soalan dan sesuai dengan skema. Majoriti calon gagal menjelaskan tiga kekuatan seseorang mukmin dengan tepat. Mereka menghuraikan apa yang dilakukan oleh mukmin yang berkaitan dengan usaha dan ibadahnya atau tabah menghadapi musibah tetapi tidak menyebut jenis-jenis kekuatan yang dikehendaki secara tersirat yang terdapat di dalam hadis.

Soalan 6(c) meminta calon membincangkan **tiga** panduan Islam kepada manusia ketika menghadapi musibah. Jawapan yang diterima adalah:

- Meyakini bahawa musibah ialah sebahagian ketentuan Allah atau ujian.
- Meyakini bahawa ada hikmah atau kebaikan di sebalik musibah, redha, bersyukur, dan tidak putus asa.
- Mengharapkan ganjaran daripada Allah SWT atas kesabaran menghadapi musibah atau bersabar.
- Memohon keampunan atau terima musibah sebagai *kaffarah* bagi kesalahan lalu atau memuhasabah diri.
- Memohon kurnia yang lebih baik dari musibah atau berdoa atau mohon pertolongan Allah dan menyebut lafadz *istirja'*, iaitu إِنَّ اللَّهَ وَإِنَا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ.

Majoriti calon berjaya mendapat markah penuh bagi soalan ini. Sebahagian calon pula tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ramai calon mengulangi isi yang berada di bawah payung yang sama seperti redha dengan musibah dan bersyukur dengan segala musibah. Calon yang lemah memberikan jawapan yang tidak tepat seperti meminta bantuan orang lain, mendekatkan diri kepada Allah, menjaga solat fardu, menjaga hubungan dengan manusia, seorang yang kuat iman, melakukan ibadat, dan tinggalkan larangan Allah.

LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021



SASBADI SDN. BHD. 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199
Laman web: www.sasbadisb.com E-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488
Laman web: www.mpm.edu.my E-mel: ppa@mpm.edu.my